

Lima pelajar KUTKM ke China

Archival News | Utusan Malaysia | 02/06/2006 | Author: HANIZA HASSAN

KUALA LUMPUR 1 Jun - Seramai lima orang pelajar dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan dihantar ke China bagi mengikuti Program Jangka Pendek di South-Central University For Nationalities (SCUN).

Program yang akan berlangsung selama sebulan bermula 1 hingga 30 Jun ini merupakan satu program 'pengantarabangsaan' yang bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai persekitaran global serta kepelbagaiannya nilai dan amalan dalam sebuah negara.

Pengarah Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa (PPKA), Prof. Madya Dr. Mohd. Ridzuan Nordin, berkata objektif program itu ialah untuk menimba pengalaman mengenai pembangunan masyarakat dan negara China yang pesat.

"Selain itu program ini turut memberi pendedahan kepada pelajar mengenai budaya masyarakat China yang dinamik dan sangat berdaya saing.

"Melalui program ini, para pelajar berpeluang berinteraksi dengan pelajar China mahupun pelajar asing yang lain dan seterusnya mewujudkan rangkaian persahabatan di kalangan mereka, '' katanya di sini, kelmarin.

Antara pelajar KUTKM yang terlibat dalam program tersebut ialah Muhammad Jamil Jamaludin (Fakulti Kejuruteraan Pembuatan) dan Mohd. Faqrul Radzi Tahiruddin (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal).

Turut serta ialah Tan Rhu Choon dan Haniza Ismail (Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer) serta Nor Fa'alina Abu Hassan (Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi).

Program tersebut adalah anjuran KUTKM melalui PPKA serta Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni kolej berkenaan.

(Source : Utusan Malaysia)